BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 05/06/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 31 Mei 2006

Perkembangan Monetari dan Kewangan April 2006
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta berterusan

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan April, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.8%. Pinjaman sistem perbankan terkumpul naik pada kadar tahunan 8.9% pada akhir bulan April. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar tahunan yang lebih kukuh, iaitu 5.8%, mencerminkan pengembangan kapasiti perniagaan yang berterusan, manakala pinjaman kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 13.9%.

Permodalan sistem perbankan kekal pada paras yang tinggi berikutan kualiti aset yang bertambah baik. Pada akhir bulan April 2006, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) menurun sedikit kepada 12.7%, sementara nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan, terus bertambah baik kepada 4.4%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 05/06/09

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 31 Mei 2006

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN APRIL 2006

Pertumbuhan pembiayaan kepada sektor swasta berterusan

Pertumbuhan dalam pembiayaan sektor swasta berterusan pada bulan April, dengan pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul meningkat pada kadar tahunan 9.8%. Pinjaman sistem perbankan terkumpul naik pada kadar tahunan 8.9% pada akhir bulan April. Pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar tahunan yang lebih kukuh, iaitu 5.8%, mencerminkan pengembangan kapasiti perniagaan yang berterusan, manakala pinjaman kepada sektor isi rumah tumbuh pada kadar tahunan 13.9%.

Sebanyak RM2.7 bilion telah diperoleh melalui pasaran PDS pada bulan April, terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan dan utiliti (syarikat berkaitan air). Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk membiayai aktiviti baru (47.5% daripada jumlah) dan penggabungan dan pengambilalihan (25.7%).

Susulan kenaikan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3.5% pada 26 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil, iaitu 3.46% - 3.50% pada tempoh 27 April – 29 Mei. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain terus stabil pada paras barunya. Pada 15 Mei, kadar pinjaman dan kadar deposit juga lebih tinggi. Kadar pinjaman asas (BLR)

purata bank perdagangan naik kepada 6.72%, manakala kadar disebut purata bagi deposit tetap (FD) bank perdagangan bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan meningkat kepada antara 3.11% hingga 3.73%. Khususnya, kadar FD purata bagi tempoh matang 6 dan 9 bulan masing-masing meningkat kepada 3.31% dan 3.43% (akhir Mac: masing-masing 3.11% dan 3.16%).

Pada tempoh 1 April - 30 Mei 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS, mencerminkan prestasi akaun semasa dan aliran masuk modal yang kukuh. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur. Ringgit menambah nilai berbanding dengan peso Filipina, rupiah Indonesia, renminbi China dan baht Thailand dalam julat 0.1% - 4.8%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (1.1%) dan dolar Singapura (0.7%).

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih rendah pada 4.6% pada bulan April. Faktor utama yang mengekalkan kadar inflasi pada paras melebihi 4% ialah kos pengangkutan yang lebih tinggi terutamanya kerana semakan menaik pada harga runcit bahan api pada 28 Februari 2006. Kenaikan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menjadi sederhana kepada 5.3% pada bulan Mac.

M3 atau wang secara luas, berkembang pada kadar tahunan 7.2% pada bulan April. Sementara itu, M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, berkembang pada kadar tahunan 9%, mencerminkan permintaan deposit sektor perniagaan dan mata wang dalam edaran yang lebih tinggi.

Permodalan sistem perbankan kekal pada paras yang tinggi berikutan kualiti aset yang bertambah baik. Pada akhir bulan April 2006, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) menurun sedikit kepada 12.7%, sementara nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih berdasarkan klasifikasi 6 bulan, terus bertambah baik kepada 4.4%.

Kadar faedah meningkat susulan kenaikan OPR

Susulan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kepada 3.5% pada 26 April, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil, iaitu 3.46% - 3.50% pada tempoh 27 April – 29 Mei. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lain kekal stabil pada paras barunya. Pada 15 Mei, kadar pinjaman dan kadar deposit juga lebih tinggi. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan naik kepada 6.72% (akhir Mac: 6.47%). Sementara itu, kadar disebut purata bagi deposit tetap (FD) bank perdagangan bagi tempoh matang 1 hingga 12 bulan juga meningkat kepada antara 3.11% hingga 3.73% (akhir Mac: 3.03% dan 3.70%). Khususnya, kadar FD purata bagi tempoh matang 6 dan 9 bulan masing-masing meningkat kepada 3.31% dan 3.43% (akhir Mac: masing-masing 3.11% dan 3.16%).



Kadar antara bank semalaman purata meningkat berikutan kenaikan OPR pada 26 April dan seterusnya kekal stabil



Kadar antara bank kekal stabil pada paras barunya berikutan kenaikan OPR



BNM menyerap mudah tunai lebihan daripada sistem perbankan



BLR purata bank perdagangan naik pada penghujung bulan April dan separuh pertama bulan Mei



Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit kekal stabil pada bulan April



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mac 06	3.03	3.06	3.11	3.16	3.70
Apr 06	3.06	3.12	3.21	3.31	3.73
15 Mei 06	3.11	3.17	3.31	3.43	3.73

Kadar FD bank perdagangan terus meningkat pada separuh pertama bulan Mei



Kadar FD benar 3 bulan terus negatif pada bulan April

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS

Pada tempoh 1 April - 30 Mei 2006, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS, mencerminkan prestasi akaun semasa dan aliran masuk modal yang kukuh. Dolar AS lemah berikutan jangkaan bahawa kenaikan kadar faedah AS akan terhenti buat seketika. Yen Jepun kukuh kerana negara perindustrian Kumpulan Tujuh mengeluarkan pernyataan yang menyarankan supaya negara-negara Asia membiarkan mata wang mereka menambah nilai. Euro juga menambah nilai berikutan jangkaan kenaikan selanjutnya kadar faedah tanda aras European Central Bank. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur. Ringgit menambah nilai berbanding dengan peso Filipina, rupiah Indonesia, renminbi China dan baht Thailand dalam julat 0.1% - 4.8%, tetapi menyusut nilai berbanding dengan won Korea (1.1%) dan dolar Singapura (0.7%).





Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	Akhir tempoh				% Perubahan	
	Dis. 05	Mac. 06	Apr. 06	30 Mei. 2006	Akhir Dis. 05 - 30 Mei. 2006	Akhir Mac. - 30 Mei. 2006
Dolar AS	3.7800	3.6860	3.6255	3.6215	4.4	1.8
Euro	4.4867	4.4829	4.5415	4.6373	-3.2	-3.3
Paun sterling	6.5226	6.4337	6.5293	6.7639	-3.6	-4.9
100 yen Jepun	3.2229	3.1397	3.1696	3.2306	-0.2	-2.8
Dolar Singapura	2.2714	2.2778	2.2905	2.2943	-1.0	-0.7
100 baht Thai	9.2049	9.4914	9.6564	9.4791	-2.9	0.1
100 peso Filipina	7.1254	7.2077	7.0011	6.8784	3.6	4.8
100 rupiah Indonesia	0.0385	0.0407	0.0413	0.0394	-2.3	3.3
100 won Korea	0.3739	0.3781	0.3831	0.3823	-2.2	-1.1
Renminbi China	0.4686	0.4599	0.4524	0.4514	3.8	1.9

Inflasi pada bulan April lebih rendah pada 4.6%

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), ialah 4.6% pada bulan April (Mac: 4.8%). Faktor utama yang mengekalkan inflasi pada paras melebihi 4% ialah kos pengangkutan yang lebih tinggi, disebabkan terutamanya oleh semakan menaik harga runcit bahan api pada 28 Februari 2006. Namun begitu, kenaikan kos pengangkutan sederhana sedikit disebabkan penurunan harga kenderaan bermotor, berikutan duti yang lebih rendah atas kereta yang dikenakan oleh Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional. Sementara itu, kadar inflasi bagi kategori pakaian dan kasut, dan komunikasi terus menurun.



Bermula 2006, kumpulan "makanan" telah diklasifikasi semula kepada "makanan dan minuman bukan alkohol"

Inflasi pada bulan April lebih rendah pada 4.6%

Kadar kenaikan harga pengeluar sederhana pada bulan Mac

Kadar kenaikan tahunan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus sederhana kepada 5.3% pada bulan Mac (Februari: 11%). Penyederhanaan IHPR disebabkan terutamanya oleh kadar kenaikan yang lebih perlahan dalam kategori berkaitan komoditi, sebahagian besarnya disebabkan kenaikan harga minyak sawit mentah yang lebih perlahan. Tidak termasuk kategori berkaitan komoditi, IHPR mencatat kadar kenaikan 1% (Februari: 0.1%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan dan binatang hidup.



Kadar kenaikan IHPR sederhana pada bulan Mac

Wang secara luas berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi

M1 atau wang secara kecil, yang merupakan baki urus niaga, berkembang pada kadar tahunan 9% (Mac: 5.7%), mencerminkan deposit permintaan sektor perniagaan dan mata wang dalam edaran yang lebih tinggi. Sementara itu, wang secara luas atau M3, meningkat pada kadar tahunan 7.2% (Mac: 6.2%). Pada asas bulanan, operasi luaran bersih dan tuntutan terhadap sektor swasta memberi kesan pengembangan terhadap M3. Tuntutan terhadap sektor swasta meningkat kerana pinjaman dan pemegangan sekuriti oleh sistem perbankan yang meningkat. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini diimbangi sebahagiannya oleh tuntutan bersih terhadap Kerajaan yang lebih rendah kerana perolehan Kerajaan daripada terbitan GII atau Terbitan Pelaburan Kerajaan disimpan dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**2005**	**Mac 06**	**Apr 06**
M3	68.0	49.7	4.6	7.0
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-15.9	-5.5	-5.3	-1.8
Tuntutan terhadap sektor swasta	30.6	44.6	2.0	3.9
Pinjaman	*39.8*	*45.0*	*2.9*	*3.1*
Sekuriti	*-9.2*	*-0.4*	*-0.9*	*0.8*
Operasi luar negeri bersih *	82.0	16.5	1.9	9.6
Pengaruh lain	-28.7	-6.0	6.0	-4.8

* Sebelum penilaian semula rizab antarabangsa



Deposit sistem perbankan meningkat pada bulan April

Pada bulan April, jumlah deposit dengan sistem perbankan meningkat RM2.2 bilion, atau pada kadar tahunan 9.6% (Mac: +RM8.7 bilion atau +9.5%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh penempatan deposit yang lebih tinggi daripada institusi kewangan dan individu. Peningkatan dalam penempatan deposit institusi

kewangan mencerminkan terutamanya deposit oleh institusi kewangan bukan bank. Dari segi deposit mengikut jenis, peningkatan disebabkan terutamanya oleh deposit tetap, dan sebahagian kecilnya oleh deposit permintaan dan perjanjian beli balik (repo).

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 06	**Feb 06**	**Mac 06**	**Apr 06**
Kerajaan Persekutuan	2,408	-3,262	469	-173
Kerajaan Negeri	-259	897	568	255
Badan Berkanun [1]	416	554	1,264	-1,814
Institusi Kewangan	-5,216	5,651	6,090	2,850
Perusahaan Perniagaan	-1,646	6,131	-964	-751
Individu	3,052	3,120	1,088	1,808
Lain-lain [2]	11	-3	142	32
Jumlah	-1,234	13,089	8,657	2,207

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 06	**Feb 06**	**Mac 06**	**Apr 06**
Deposit tetap	-4,603	-2,835	7,272	5,437
NID	40	7,082	2,452	-3,271
Deposit permintaan	3,271	-1,126	-3,687	921
Deposit tabungan	1,052	562	-324	-128
Perjanjian beli balik (Repo)	-4,242	9,744	2,582	632
Deposit mata wang asing	-521	1,474	-268	-1,263
Deposit SPI	3,531	-2,300	110	-578
Lain-lain	237	487	521	456
Jumlah	-1,234	13,089	8,657	2,207

Pertumbuhan pembiayaan sektor swasta bersih berterusan

Pada bulan April, pembiayaan kasar kepada sektor swasta daripada sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM40.6 bilion (Mac: RM51.2 bilion) berikutan paras yang secara relatif tinggi yang dicatat pada bulan sebelumnya. Pada asas bersih, pembiayaan sektor swasta melalui pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 9.8% (Mac: 9.1%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman
(RM bilion)



Penunjuk Pinjaman Bank

	RM bilion		Pertumbuhan Tahunan (%)	
	Mac	April[a]	Mac	April[a]
Jumlah				
Permohonan pinjaman	28.8	22.4	0.5	-18.9
Kelulusan pinjaman	17.9	14.1	4.7	-2.5
Pengeluaran pinjaman	46.5	38.1	-2.7	-5.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.2	3.0	8.4	8.9
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	15.9	11.2	1.0	-24.0
Kelulusan pinjaman	9.0	6.0	6.9	-7.4
Pengeluaran pinjaman	31.7	24.7	-5.4	-9.1
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.9	4.5	2.7	5.8
PKS				
Permohonan pinjaman	4.8	6.1	n.a.[2/]	n.a.[2/]
Kelulusan pinjaman	3.4	2.7	n.a.	n.a.
Pengeluaran pinjaman	11.6	8.1	n.a.	n.a.
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	6.0	0.1	n.a.	n.a.
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	12.4	10.3	-1.8	-15.8
Kelulusan pinjaman	8.4	7.9	-1.7	0.3
Pengeluaran pinjaman	12.9	13.1	5.1	14.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	2.9	1.7	14.5	13.9

t.b. tidak berkenaan

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Bermula pada bulan Mac 2006, pertumbuhan tahunan tidak berkenaan disebabkan terdapat pengelasan semula antara PKS dan perusahaan besar berikutan penerimaan pakai definisi standard PKS seperti yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan,

a Awalan. Data bagi bulan April 2006 adalah tertakluk kepada semakan berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi.



a Awalan. Data bagi bulan April 2006 adalah tertakluk kepada semakan berikutan perubahan dalam pengelasan penunjuk pinjaman mengikut sektor dan tujuan ekonomi.

Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman sederhana pada bulan April. Penyederhanaan dalam aktiviti pemberian pinjaman bank mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan yang sederhana dalam keadaan aliran tunai perusahaan perniagaan yang terus kukuh dan kurangnya keperluan terhadap pembiayaan luar bagi modal kerja seperti yang dicerminkan oleh pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman yang lebih rendah.

Pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 8.9% pada akhir bulan April (akhir Mac: 8.4%). Khususnya, pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan berkembang pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 5.8% (akhir Mac: 2.7%), mencerminkan pengembangan kapasiti perniagaan yang berterusan. Sementara itu, pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah meningkat pada kadar tahunan 13.9% (akhir Mac: 14.5%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat

Pada bulan April, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM3 bilion, yang disumbangkan terutamanya oleh sektor awam melalui terbitan GII atau Terbitan Pelaburan Kerajaan 3 tahun. Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS), jumlah kasar sebanyak RM2.7 bilion telah diperoleh, terutamanya oleh syarikat dalam sektor kewangan dan utiliti (syarikat berkaitan air). Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk tujuan pembiayaan aktiviti baru (47.5% daripada jumlah) dan penggabungan dan pengambilalihan (25.7%). Setelah menyelaras penebusan, dana bersih yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM1.1 bilion, sementara dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti pada bulan itu berjumlah RM241 juta.



Prestasi KLCI bertambah baik pada bulan April

Pada bulan April, minat pelabur yang kukuh mendorong KLCI ditutup lebih tinggi pada 949.23 (sejak akhir Mac: +2.4%). Permodalan pasaran meningkat kepada RM751 bilion (sejak akhir Mac: +2.5%) manakala urus niaga purata harian meningkat dengan ketara kepada 1,227.2 juta unit (Mac: 798 juta unit).



Prestasi KLCI bertambah baik pada bulan April, tetapi menurun pada bulan Mei

Pada 30 Mei, KLCI menurun sedikit kepada 929.89 (sejak akhir April: -2%) disebabkan oleh aktiviti pengambilan untung selepas tempoh pembelian yang panjang pada bulan April. Permodalan pasaran susut kepada RM730.3 bilion (sejak akhir April: -2.7%) sementara aktiviti urus niaga juga menurun, dengan urus niaga purata harian pada 1,205.8 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM279 bilion atau bersamaan USD75.7 bilion pada 28 April 2006. Rizab meningkat lagi kepada RM289.5 bilion atau bersamaan USD78.6 bilion pada 15 Mei 2006. Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan ialah 6.6 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Sistem perbankan kekal teguh dan berdaya tahan

Permodalan sistem perbankan kekal pada paras yang tinggi berikutan kualiti aset yang bertambah baik. Pada akhir bulan April 2006, nisbah modal wajaran risiko (RWCR) menurun sedikit kepada 12.7%, manakala nisbah modal teras kekal pada 10% disebabkan peningkatan pelaburan dalam anak syarikat termasuk bermulanya operasi dua anak syarikat bank Islam, dalam suasana aktiviti pemberian pinjaman yang terus berkembang. NPL berdasarkan klasifikasi 6 bulan menurun lagi kepada RM24 bilion, lantas menghasilkan nisbah NPL bersih yang bertambah baik pada 4.4%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh									
	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	Feb 06	Mar 06	Apr 06
Modal (%)										
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.4	10.7	10.3	10.0	10.0
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	14.4	13.6	13.4	13.1	12.7
NPL bersih										
(klasifikasi 6 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	5.8	4.6	4.6	4.5	4.4
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,702	30,766	28,590	24,545	24834	24385	23953
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih										
(6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.6

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.
* Mulai April 2005, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras merangkumi faktor risiko pasaran.



Tahap permodalan sistem perbankan kekal tinggi …



…sementara nisbah NPL bersih bertambah baik

Bank Negara Malaysia
31 May 2006

C:\MSB-April (BM-post-AH).doc

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Feb 06		Mac 06		Apr 06	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		54.8	5.6	54.1	6.9	54.1	5.0
M1		127.0	7.7	122.3	5.7	124.5	9.0
M2		635.7	17.5	636.6	15.2	641.7	16.1
M3		679.3	7.8	683.9	6.2	690.8	7.2
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		704.5	11.3	713.1	9.5	715.3	9.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		564.1	9.2	566.3	8.4	569.3	8.9
Nisbah pinjaman-deposit (%)		76.4		76.0		76.3	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		85.2		84.6		84.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		21.9	18.1	28.8	0.5	22.4	-18.9
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		13.7	16.8	17.9	4.7	14.1	-2.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		40.0	9.7	46.5	-2.7	38.1	-5.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		36.5	8.7	42.5	3.4	36.3	-10.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.4		13.1		12.7	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		4.6		4.5		4.4	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		272.7		271.6		279.0	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		72.2		73.7		75.7	
Bilangan bulan import tertangguh		7.8		7.9		8.0	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		3.25		3.25		3.50	
Antarabank:	Semalaman	3.24 [3.04]		3.25 [3.25]		3.49 [3.27]	
	Seminggu	3.23 [3.07]		3.28 [3.28]		3.51 [3.29]	
	1 bulan	3.15 [3.14]		3.25 [3.33]		3.38 [3.38]	
	3 bulan	-		-		-	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.02		3.03		3.06	
	3 bulan	3.04		3.06		3.12	
BLR bank perdagangan		6.34		6.47		6.58	
ALR bank perdagangan		6.29		6.29		6.42	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		101.9	3.2	103.4	4.8	103.4	4.6
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		170.3	11.0	169.3	5.3	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.7135		3.6860		3.6255	
Euro		4.4055		4.4829		4.5415	
Paun Sterling		6.4643		6.4337		6.5293	
100 Yen Jepun		3.1907		3.1397		3.1696	
Dolar Singapura		2.2857		2.2778		2.2905	
100 Baht Thailand		9.4407		9.4914		9.6564	
100 Peso Filipina		7.1793		7.2077		7.0011	
100 Rupiah Indonesia		0.0402		0.0407		0.0413	
100 Won Korea		0.3827		0.3781		0.3831	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	0.7		0.5		1.7	
	swasta	1.2		2.3		1.3	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		928.9		926.6		949.2	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		726.9		732.9		751.0	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.